



028-Pandangan Orientalis Tentang Mukjizat Nabi Muhammad SAW Serta Respon Sarjana Muslim Mengenainya

***Afruzah Binti Ahmad Azizi**
Universiti Sains Islam Malaysia

Ros Aiza Binti Mohd Mokhtar
Universiti Sains Islam Malaysia

*E-mel: jajaafruzah@raudah.usim.edu.my

ABSTRAK

Orientalis membincangkan tentang masalah Islam dan kehidupan Nabi Muhammad SAW termasuklah membahaskan tentang kesahihan hadis yang disampaikan oleh ulama terdahulu. Apabila mereka enggan menerima hadis, mereka juga akan menolak mukjizat Nabi Muhammad SAW. Kertas kerja ini bertujuan mengumpul pandangan Orientalis terhadap mukjizat Nabi Muhammad SAW seperti al-Quran, kejadian Israk Mikraj, dan kejadian air yang mengalir dari jari Nabi SAW. Kajian ini juga mengenengahkan beberapa pandangan Orientalis yang menghujahkan tentang kepalsuan serta pembohongan mukjizat Nabi Muhammad SAW. Antara Orientalis yang menyuarakan tentang mukjizat Nabi SAW ialah Ignaz Goldziher, Joseph Schacht, William Muir, Clinton Bennet, David Samuel Morgoliouth dan Frederick Stephen Colby. Selanjutnya, kajian ini membincangkan tentang pandangan beberapa sarjana Muslim yang melawan hujah-hujah Orientalis tersebut berdasarkan hujah daripada Quran, Hadith dan hujah-hujah logik. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan bagi pengumpulan data. Seterusnya, data dianalisis secara deskriptif interpretif. Hasil kajian mendapati bahawa Orientalis menganggap mukjizat Nabi SAW hanya sebagai rekaan, mereka menafikan setiap mukjizat Nabi SAW dan mempersoalkan kesahihan hadis-hadis yang berkaitan. Kajian ini diharap dapat menggugurkan dakwaan-dakwaan yang dikemukakan oleh orientalis tentang mukjizat Nabi Muhammad SAW.

Kata kunci: Orientalis, mukjizat, Muhammad SAW

PENGENALAN

Istilah Orientalism digunakan secara meluas dalam mengembangkan dunia Eropah kepada wilayah bukan Eropah. Orientalism telah diiktiraf oleh Edward Said dan ia menjadi topik perbincangan penting mengenai pertimbangan budaya dan kepercayaan orang bukan Eropah. Orientalis mengkaji tentang dunia Timur dan membahaskan kebenaran Islam dari pelbagai aspek termasuk kesahihan hadith yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Apabila mereka menolak hadith, mereka juga menolak mukjizat-mukjizat Nabi Muhammad SAW.



Kebanyakan Orientalis berpendapat, hadis merupakan usaha kerja daripada ulama dan pakar Fiqh yang ingin menjadikan Islam sebagai agama pelbagai dimensi, mereka beranggapan bahawa ia tidak lebih daripada ungkapan manusia atau plagiarisme terhadap ajaran Yahudi dan Nasrani. Orientalis yang mempunyai pandangan berat sebelah dan ragu-ragu terhadap Islam telah menafikan mukjizat Nabi Muhammad SAW, mereka mengkaji dan menimbulkan prasangka terhadap mukjizat nabi. Terdapat segelintir Orientalis yang menyebut tentang mukjizat Nabi Muhammad SAW seperti Daniel Pipes dan Clinton Bennett. Mereka mengkritik mukjizat sahih para nabi yang berasal dari hadis dari sahabat. Namun begitu, mereka tidak mengemukakan alasan saintifik dan muktamad untuk menafikan kenabian dan wahyu al-Quran, malah hanya menekankan pandangan jahil mereka yang tidak saintifik berdasarkan teori dan hipotesis sendiri. Oleh itu, kajian ini menfokuskan kritikan Orientalis terhadap mukjizat Nabi Muhammad SAW dan ulama-ulama Islam yang menyangkal pandangan mereka.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang pernah dilakukan mengenai pandangan Orientalis tentang Nabi Muhammad SAW termasuk hadith dan mukjizat terbesarnya iaitu Al-Quran. Sebagai contoh, satu kajian tentang persepsi Orientalis terhadap hadith dan sistem Isnad (rantai pengantar) serta jawapannya dari perspektif Islam, kajian mendapati Orientalis menolak hadith Nabi Muhammad SAW kerana mereka menganggap sebahagian besar al-Hadith lahir daripada perkembangan semasa dalam agama Islam, yang mana mereka menganggap kebanyakan hadith bukan datang dari Rasulullah SAW tetapi ia hanya rekaan umat Islam terdahulu ketika zaman kegemilangan Islam.

Terdapat beberapa Orientalis yang mendakwa bahawa Hadith ditulis ketika abad kedua Hijrah dan bukan pada zaman Rasulullah SAW serta zaman sahabat. Pengkaji kemudian menfokuskan pandangan ulama' Islam yang menolak anggapan mereka dengan mengemukakan pelbagai bukti bahawa hadis telah dicatat pada zaman Rasulullah SAW melalui kajian-kajian dan penyelidikan ilmiah yang dilaksanakan (Muhd Muhiden, n.d). Manakala Budi Sujati telah mengkaji tentang pengaruh kewahyuan Nabi Muhammad SAW yang mendapat sambutan pro dan kontra dikalangan Orientalis. Para Orientalis beranggapan bahawa wahyu yang diterima oleh Nabi Muhammad sebenarnya adalah hasil himpunan daripada berbagai tradisi Yahudi, Kristen dan Persia. Mereka mengeluarkan ulasan-ulasan sinis mengenai wahyu yang diberikan kepada Nabi Muhammad SAW. Walau bagaimanapun, belum terdapat kajian khusus mengenai pandangan Orientalis mengenai mukjizat Nabi Muhammad SAW dan respon sarjana Islam mengenainya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menfokuskan kepada kaedah kepustakaan termasuk penggunaan sumber utama dan sekunder. Sumber utama yang digunakan ialah al-Quran dan Hadith sebagai medium untuk mengeluarkan konteks berkaitan



mukjizat menurut Islam. Rujukan sekunder yang digunakan pula merujuk kepada buku, artikel dan jurnal akademik yang membincangkan tentang Orientalism. Antara bahan rujukan yang digunakan ialah buku-buku penulisan daripada Orientalis seperti “*Life of Muhammad*” yang dikarang oleh William Montgomery Watt, “*Narrating Muhammad’s Night Journey*” oleh Frederick Colby, “*Mohamed and Islam*” oleh Ignaz Goldziher, dan banyak lagi. Manakala rujukan sarjana muslim diambil daripada pendapat Badiuzzaman Said Nursi dalam “*Risalah An-Nur*” tentang mukjizat. Ada juga rujukan lain iaitu daripada Maulana Muhammad Ali terhadap pandangannya tentang mukjizat. Selain itu, sumber lain yang digunakan oleh pengkaji bagi menambah maklumat kajian ialah melalui internet. Bahan yang diperoleh melalui kaedah rujukan kepustakaan ini dapat membantu memudahkan urusan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Sejarah Orientalisme

Para orientalis muncul kerana adanya kajian-kajian yang dilakukan oleh ilmuan Barat tentang ketimuran termasuk sastera, sejara, adat-istiadat, politik, lingkungan dan agama di Timur Asia. Perkembangan orientalisme bermula pada zaman kegemilangan Islam sekitar abad 650-1250, dimana orang Barat mula menekankan pembelajaran Bahasa Arab terutama dalam bidang ilmiah dan falsafah. Hal ini bagi menyerap masuk ilmu pengetahuan dan filsafat dari dunia Islam ke Eropah. Ketika perang salib antara umat Islam Timur dan Kristen Barat pada sekitar tahun 1096-1291, Peter I mengarahkan untuk membuat projek besar yang melibatkan beberapa penterjemah dan sarjana untuk mula mengkaji tentang sistem dalam Islam. Keadaan ini telah mengakibatkan keluarlah cerita-cerita palsu tentang Nabi Muhammad. Mereka menggambarkan Muhammad sebagai Tuhan, pendusta, tukang sihir dan sebagainya.

Kemudian muncullah zaman kolonialisme, dimana orang Barat datang berdagang dan juga untuk menundukkan bangsa-bangsa Timur. Orang Barat cuba menyesuaikan keadaan dengan mengenal kehidupan orang Timur termasuk agama dan budaya mereka. Pada awal abad ke-20, muncul beberapa orientalis yang mahir dalam Bahasa arab seperti Sir Hamilton A.R. Gibb, Louis Massignon yang telah mengeluarkan banyak karya-karya tentang Islam. Namun begitu, tidak semua karya orientalis dapat diterima kerana ia mungkin interpretasi mereka sendiri terhadap agama Islam. Perkembangan Orientalisme semakin meluas sehingga hari ini, kegiatan-kegiatan yang mereka lakukan bukan sahaja meliputi hal agama, malah meluas kepada politik dan pendidikan.

Pandangan Orientalis terhadap Al-Hadith

Pada awal pertumbuhannya, Orientalis mengkaji Islam secara umum. Ia merangkumi setiap aspek Islam, terutamanya doktrin Islam, dan masyarakat Islam. Perkembangan Orientalis membawa kepada kajian spesifikasi pelbagai cabang dalam pengajian Islam seperti al-Quran, hadis, sejarah Islam dan sebagainya. Terdapat beberapa Orientalis yang aktif dalam mengkaji dan meneliti bidang hadith seperti Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht. Selain itu, beberapa nama yang turut tidak asing dengan tradisi Orientalis ialah William Muir, Nabia Abbott, F.



Sezgin, G.H. A. Juynboll, Harald Motzki, J. Robson, W. Montgomery Watt, Von Guerboum, Arberry, Jeffre, Ira Lapidus, dan lain-lain.

Dalam kebanyakan pendapat Orientalis, ulama dan pakar Fiqh menjadikan hadis sebagai modus untuk menjadikan Islam sebagai agama multi-dimensi, mereka beranggapan bahawa hanya ungkapan manusia atau plagiat terhadap ajaran Yahudi dan Nasrani. Hamilton Gibb menyatakan bahawa ia hanyalah plagiarisme Muhammad dan pengikutnya daripada ajaran Yahudi dan Kristian. Manakala Ignaz Goldziher dan Joseph Schatch menyatakan bahawa hadis tersebut bukan datang daripada Nabi Muhammad, sebaliknya sesuatu yang lahir pada abad pertama dan kedua Hijrah kerana perkembangan Islam.

Ignaz Goldziher menjelaskan pada konteks sebuah lagenda dan dongeng, perkataan hadis juga diaplikasikan untuk subjek sebuah cerita. Oleh itu, pernyataan “menjadi suatu hadis” adalah contoh yang akan selalu diceritakan oleh generasi kemudian dan seterusnya. Pada takrifan awal ini terlihat bahawa dia ingin mengembalikan makna hadis pada istilah yang diungkapkan oleh al-Ghazali iaitu makna wadhiyyah-nya. Walaupun konteks keislaman telah disandangkan pada aspek ini, tetapi dia tidak menghubungkan kedua aspek itu pada awalnya. Menurut Goldziher, kata “hadis” biasa dipakai pada zaman awal Islam untuk memperkenalkan sesuatu yang baharu yang tiada dasarnya pada masa lalu. Dia menyandarkan pendapat ini pada riwayat ‘Aisyah, bahwa Rasulullah saw bersabda, “Man ahdatsa fi amrina hadza ma laysa minhu fa huwa raddun”. Maka Goldziher menganggap bahawa pernyataan “Syarr al Umur Muhdatsatuha” adalah sesuatu yang diperbaharui atau dengan kata lain bidah yang memang dilarang dalam Islam. Dia menegaskan lagi pernyataan ini dengan mengatakan al-Bidah adalah kata seerti dengan muhadats atau hadats.

Pandangan Orientalis terhadap Mukjizat Nabi Muhammad SAW

Kebanyakan cendekiawan menganggap Mukjizat sebagai bukti kenabian. Orientalis yang berat sebelah dan ragu-ragu terhadap Islam dan Nabi Muhammad SAW mempunyai penilaian yang tidak adil dan mengabaikan kebenaran mukjizat Nabi. Mereka kebanyakannya telah menyiasat mukjizat Nabi dengan prasangka dan menafikan kebenarannya, mereka cuba mempersoalkan kesahihan mukjizat yang kekal dan tidak diselewengkan sepanjang zaman ini, Orientalis juga menggunakan semua cerita palsu dan khurafat untuk mencapai matlamat ini. Menurut William Montgomery Watt dalam bukunya “Life of Muhammad” berkata, mungkin kisah-kisah mukjizat itu hanya direka untuk menggambarkan atau menghiasi mukjizat utama iaitu al-Quran, tetapi ia juga mungkin mukjizat yang menjelaskan fakta yang berasas. Dengan ketiadaan bukti lain, pengkritik lebih mudah untuk menilai dan mereka bentuk naratif yang palsu.

Orientalis yang meragui kenabian Nabi Muhammad (SAW) tidak mengemukakan alasan saintifik dan tepat untuk menafikan nubuatan dan wahyu al-Quran malah mereka hanya menekankan pandangan jahil mereka yang tidak saintifik berdasarkan teori dan hipotesis yang tulen. Orientalis telah menerima wahyu Jesus dan Musa, tetapi mereka menolak Nabi Muhammad (SAW). Disebabkan hanya mengemukakan masalah berdasarkan pandangan sendiri, kita tidak boleh mengkritik dan menilai alasan-alasannya.

1. Al-Quran

Al-Quran merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW. Walaupun ada sebahagian Orientalis yang menerima al-Quran namun ada sebahagiannya yang tetap menolak al-Quran. Pelbagai herdikan kebencian yang ditunjukkan terhadap al-Quran, mereka mengkritik al-Quran dengan menyatakan al-Quran adalah kombinasi dari kitab Yahudi dan Kristian. Penghinaan terhadap al-Quran bermula dari abad ke-8 hingga abad ke-16. Contohnya, Petrus Venerabilis, seorang ketua Biara Cluny di Perancis menyatakan al-Quran lahir daripada pembawa syaitan, dia menjelaskan bahawa Nabi itu membawa bidaah untuk menjadikan Jesus itu sebenarnya bukan Tuhan atau anak Tuhan.

Selain itu, Johannes (652-750) menyatakan al-Quran banyak menunjukkan cerita-cerita dongeng (idle tales). Ricoldo da Monte Croe (1243-1320) Islam itu lahir daripada seitan dan syaitanlah yang mengarang al-Quran, dia menegaskan banyak penyelewengan yang terjadi dalam sejarah al-Quran dan susunannya tidak sistematik. Seterusnya, Marthin Luther (1483-1546) juga mempunyai pandangan yang sama seperti Ricoldo da Monte Croe, dia memberi gelaran al-Quran sebagai (The Devil is the ultimate author of the Qur'an). Kebanyakan Orientalis adalah Kristian yang menganggap Nabi SAW ini ingin menghancurkan memecahbelahkan agama Kristian dan Yahudi.

2. Israk Mikraj

Kisah Israk dan Mikraj merupakan dua mukjizat yang berbeza. Israk adalah mukjizat bagi penduduk bumi, maksudnya tidak ada satu manusia pun yang mampu melakukan perjalanan dari Mekah ke Palestin dan kembali lagi ke Mekah sepantas yang dilakukan Nabi Muhammad SAW. Manakala Mikraj pula adalah mukjizat bagi semua penduduk langit, maksudnya tiada satu pun penduduk langit termasuk malaikat mampu melakukan perjalanan seperti yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Malaikat Jibril hanya mampu menemani Nabi dalam perjalanan Mi'raj ke Sidratul Muntaha, sementara beliau hanya bergerak sendiri dalam perjalanannya menuju ke 'Arasy.

Frederick Colby, dalam bukunya "Narrating Muhammad's Night Journey" menjelaskan pendapatnya tentang malam Israk Mikraj. Menurutnya, kejadian Israk ada dinyatakan dalam Quran pada surah al-Isra ayat pertama dan surah an-Najm. Namun, kejadian Mikraj tidak ada dinyatakan dalam mana-mana ayat al-Quran. Dalam menelusuri sejarah awal penghuraian Quran, Colby mendedahkan bagaimana Mikraj menjadi subjek perdebatan kerana ia berdasarkan siri ayat yang sangat tidak jelas. Dalam bab ke-3 buku beliau ada menjelaskan kisah perkembangan daripada naratif yang agak terputus-putus terhadap kisah kehidupan Nabi oleh Ibn Ishaq, namun ia berlainan dengan pengriwayatan sejarah Islam daripada Ibn Sa'd. Colby berhujah bahawa bahagian Mikraj dalam kedua-dua teks mengingatkan kembali kepada Ibn Abbas. Contohnya, beliau beranggapan bahawa Ibn Hisham mungkin telah menambah bahagian Mikraj pada teks Ibn Ishaq, berdasarkan kisah daripada Ibn Abbas, yang namanya ditindas.

Penulisan Colby berlandaskan sejarah bagi mengelakkan tafsiran yang terlalu kontekstual. Menurut Colby, kisah-kisah tentang Mikraj Nabi Muhammad SAW tidak hanya terdiri daripada fenomena kecil semasa tempoh kejadian, tetapi ia sebagai penguat yang digunakan dalam persaingan dakwah Islam antara agama lain.

3. Air yang keluar dari jari Nabi Muhammad SAW.

Dalam kitab Sahih Muslim, terdapat beberapa riwayat yang menceritakan Nabi Muhammad SAW dapat mengeluarkan air dari celah-celah jarinya. Air tersebut digunakan untuk mengambil wudhu oleh kaum Muslimin.

Menurut pendapat William Montgomery Watt dalam bukunya "Life of Muhammad", beliau mengatakan para sahabat terdahulu mengaitkan kisah-kisah mukjizat dengan sejarah hidup Nabi untuk tujuan memuliakannya. Antara salah satu kisah yang dikaitkan ialah membuat banjir air dari mata air yang kering, memancar dari kapal kosong, atau keluar dari antara jari-jarinya. Bagi William, kisah sebegini menunjukkan orang-orang yang menerima mukjizat ini menentang pengisytiharan yang jelas dan pengertian Al-Quran yang meluas.

Dalam erti kata lain, William cuba menjelaskan bahawa para sahabat menambah-nambah dan melasukan cerita yang tidak dinyatakan didalam al-Quran, hal ini dijelaskan kerana tiada bukti dan kenyataan tentang mukjizat ini didalam al-Quran.

Respon Sarjana Muslim Mengenai Mukjizat

Respon Maulana Muhammad Ali tentang Mukjizat

Pemikiran Maulana Muhammad Ali tentang mukjizat diambil daripada bukunya *The Religion of Islam*, menurutnya, dalam al-Quran ada menyatakan mukjizat itu merupakan tanda bukti dan perkabaran Ilahi. Tanda bukti membawa maksud mukjizat itu menjadi bukti bahawa Rasulullah SAW ada utusan Allah SWT, manakala perkhabaran ilahi pula ayat suci al-Quran. Menurut Maulana Ali, bukti mukjizat yang sebenarnya ialah al-Quran itu sendiri, hal ini kerana al-Quran itu adalah mukjizat terbesar Rasulullah SAW dan telah dijamin kebenarannya dan kekal selamanya hingga Hari Kiamat.

Respon Said Nursi terhadap Mukjizat Israk Mikraj

Perbahasan Said Nursi terhadap Israk Mikraj ada dibincangkan dalam kitabnya *Rasail al-Nur*. Said Nursi memulakan perbahasan dengan menunjukkan ayat-ayat yang berkenaan dengan Israk Mikraj iaitu surah al-Isra' ayat 1 dan surah al-Najm ayat 4-18. Beliau tidak menafsirkan keseluruhan ayat tersebut namun hanya menfokus pada kata "إِنَّهُ" (sesungguhnya Dia) yang mengandungi *balaghah*. Beliau menjelaskan persoalan *balaghah* dalam al-Quran ini dalam risalahnya "Mukjizat al-Quran". Dalam risalahnya mengatakan, ayat pertama dari surah al-Isra' ditutup dengan

إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ۝

(Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui), ayat ini disebut setelah



pemberitahuan perjalanan malam Rasulullah SAW dari masjid al-Haram menuju Masjid al-Aqsa. Manakala, perjalanan Mikraj pula diterangkan dalam surah al-Najm dengan ayat terakhir surah tersebut ialah

فَأَسْجُدُوا لِلَّهِ وَأَعْبُدُوا ۖ ﴿٦٢﴾

(Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda-tanda (kekuasaan) Tuhannya yang paling besar) Said Nursi melihat adanya keterkaitan antara dua penutup ayat dalam menjelaskan makna “وَإِنَّ”. Beliau menafsirkan kata ganti tersebut membawa kepada dua maksud, pertama, boleh membawa kepada Allah SWT atau kedua, boleh mengarah kepada Rasulullah SWT. Jika maknanya mengacu kepada Allah SWT, maka maknanya Allah SWT sendiri yang mengundang hamba-Nya yang terpilih Rasulullah SAW untuk menghadap-Nya secara langsung tanpa perantara untuk suatu tugas penting.

Pada ayat pertama surah al-Isra’, kata ganti “إِنَّهُ” kembali kepada Rasulullah SAW, dimana beliau menjadi pembawa amanah agung seluruh alam, konteks tersebut menunjukkan bahawa perjalanan ini termasuk diantara perjalanan umum dan mikraj.

PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan perbezaan pandangan mengenai pemahaman terhadap mukjizat Nabi Muhammad SAW. Orientalis memilih untuk berfikir menggunakan logik dan menolak kebenaran mukjizat. Mereka menuduh ulama terdahulu menambah-nambah cerita tentang Nabi Muhammmad SAW. Orientalis yang meragui kenabian Nabi Muhammad (SAW) tidak mengemukakan alasan saintifik dan tepat untuk menafikan nubuatan dan wahyu al-Quran malah mereka hanya menekankan pandangan jahil mereka yang tidak saintifik berdasarkan teori dan hipotesis yang tulen. Namun, didalam Islam al-Quran dan Hadis itu sudah cukup untuk menjelaskan mukjizat mengikut tafsiran yang benar.

KESIMPULAN

Pandangan Orientalis jelas bertentangan dengan ajaran Islam, mereka sangat bersungguh untuk menjatuhkan nama Islam dan dunia timur pada mata masyarakat dunia. Orientalis menghina Nabi Muhammad SAW termasuk menuduh tentang kepalsuan mukjizatnya. Menurut mereka, mukjizat itu hanya rekaan dan tambahan untuk menyebarkan agama Islam. Kebanyakan pengkaji Orientalis lebih menfokuskan mukjizat utama iaitu Quran sahaja, namun terdapat beberapa Orientalis yang memberi pendapat tentang mukjizat-mukjizat lain. Secara rumusannya, mereka menyiasat mukjizat Nabi dengan prasangka dan menafikan kebenarannya, mereka menimbulkan cerita-cerita palsu dan khurafat untuk mencapai matlamat ini.

RUJUKAN

Al-Quran

Hadith

- Cate, P. (1974). *Each Other's Scriptre: The Muslims' Views of the Bible and the Christians' Views of the Qur'an*. The Hartford Semi Nary Foundation.
- Colby, F. S. (2009). *Narrating Muhammad's night journey: Tracing the development of the Ibn 'Abbas ascension discourse*. State University of New York Press.
- Goldziher, I. (1971). *Muslim Studies: v. 2* (C. R. Barber & S. M. Stern, Trans.). Allen & Unwin.
- Hossein, S., & Karnami, H. (2015). Review of the Orientalists' Views about the Miracles of the Prophet. *Jurnal UMP Social Sciences and Technology Management*. Vol 3, 1–3.
- Lebling, B. 1980. ORIENTALISTS: Edward Said. Orientalism. In *Journal of Palestine Studies* (Vol. 9, Issue 2). <https://doi.org/10.2307/2536347>
- Muir, W., & Muhammad, W. (2017). *The life of Mahomet*. Andesite Press.
- Rahim, A. (2010). Sejarah Perkembangan Orientalisme. *Jurnal Hunafa*. Vol. 7, No. 2. Desember 2010: 179-192.
- Rushdie, S., Prophet, G., & Hameed, A. (2021). A *CRITICAL STUDY OF CLINTON BENNETT' S THOUGHTS TOWARDS SIRAH OF THE HOLY PROPHET ﷺ* Hafiz Muhammad Faisal Qureshi *Sirah of the Holy Prophet ﷺ is the topic on which a lot of work has been done both in the Muslim and non-Muslim world. For Muslims it was t. 2021(02)*, 1–14.
- Sahas, D. J. (1972). *John of Damascus on Islam: The "heresy of the ishmaelites."* Brill.
- Seelye, K. C., Goldziher, I., & Goldziher, I. C. (2010). *Mohammed and Islam*.
- Shaffat, I., & Baru, R. (2019). Orientalists' Perspectives on Hadith. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(11), 1326–1339. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i11/6677>